

Cadangan beri Dr. Mahathir peranan di Iraq

Oleh TODD CROWELL

DALAM satu ucapan di Westminster College di Fulton, Missouri bulan lalu iaitu di satu tempat yang menjadi terkenal 50 tahun lalu apabila Winston Churchill menyampaikan ucapan 'Tabir Besi', calon Parti Demokratik menggariskan apa yang akan beliau lakukan di Iraq jika dipilih menjadi Presiden Amerika Syarikat (AS) sekarang.

John Kerry beberapa kali mengulangi saranan-saranan beliau untuk membolehkan penyertaan masyarakat antarabangsa di Iraq.

Tetapi Kerry juga menyatakan hasratnya untuk melantik seorang pesuruhjaya tinggi bagi Iraq terdiri daripada tokoh-tokoh yang disegani di peringkat antarabangsa yang boleh bekerjasama dengan AS, kerajaan sementara Iraq dan komuniti antarabangsa sebagai pembuka jalan kepada pilihan raya, penyediaan draf perlembagaan baru Iraq dan penstrukturan semula negara tersebut.

Adakah sesiapa yang lebih layak untuk mengisi jawatan tersebut jika ia benar-benar diwujudkan selain bekas Perdana Menteri Malaysia, Mahathir Mohamad?

Jika matlamatnya untuk mewujudkan negara Iraq yang stabil, demokratik dan makmur, siapa yang layak melakukannya selain daripada bekas pemimpin sebuah negara Islam yang demokratik dan makmur di dunia hari ini?

Mahathir telah berkhidmat selama 22 tahun (1981-2003) sebagai Perdana Menteri Malaysia keempat dan yang paling berjaya. Sepanjang tempoh tersebut, beliau telah mengubah pengantungan negaranya kepada getah dan kelapa sawit menjadi sebuah pusat kewangan, pembuatan

dan teknologi tinggi serantau.

Ekonomi Malaysia tumbuh pada kadar hampir 10 peratus setiap tahun dan standard kehidupan meningkat 20 takuk.

Tambahan lagi, Mahathir telah berjaya mentadbir sebuah negara yang mempunyai garis pemisah, dari segi kaum, etnik dan agama, seperti di Iraq. Jika Iraq terdiri daripada bangsa Arab, Kurdis dan Turk, Malaysia pula dihuni oleh kaum Cina dan India, tanpa mengambil kira beberapa kaum minoriti di Malaysia Timur.

Beliau telah melaksanakan bersungguh-sungguh program galakan yang berjaya mewujudkan kelas menengah bumiputera yang agak besar dan stabil, atas dasar kepentingan demokrasi tanpa mengetepikan kaum-kaum minoriti.

Gabungan

Model politik Malaysia menawarkan contoh pengajaran ke arah pembinaan demokrasi di Iraq. Prinsip utama adalah gabungan secara besar-besaran parti-parti yang mewakili kaum di bawah satu payung iaitu Barisan Nasional. Justeru setiap kaum di negara itu mempunyai hak dalam kerajaan. Itu adalah kejayaan kombinasi yang telah ditunjukkan sekali lagi dalam pilihan raya umum baru-baru ini.

Pengganti Mahathir, Abdullah Ahmad Badawi telah meraih kejayaan cemerlang ekoran Islam yang progresif, dan dengan mudah menewaskan parti-parti fundamentalis.

Ketika fundamentalis Islam menunjukkan kesanggupan untuk mengambil bahagian dalam politik menerusi pilihan raya, mereka telah diberi kebenaran meneruskan cita-cita untuk menubuhkan sebuah negara Islam sama ada dengan memena-

ngi kerusi-kerusi di peringkat Parlimen atau yang lebih penting menawan kerajaan di beberapa buah negeri yang majoriti penduduknya beragama Islam seperti Kelantan (dalam pilihan raya lepas mereka tewas di Terengganu).

Di negeri-negeri tersebut mereka boleh mengguna pakai, tetapi bukan melaksanakan undang-undang Syariah ke atas orang awam yang secara umumnya menyokong mereka menerusi pilihan raya yang bebas.

Pada masa yang sama Mahathir tidak ragu-ragu dan tidak pernah teragak-agak untuk bertindak tegas ke atas penganas Islam. Kurang dua tahun lalu, beliau telah menahan 70 anggota militan Islam kerana dipercayai mempunyai kaitan dengan tragedi pengeboman di Bali, Indonesia, di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang membenarkan penahanan berterusan atas alasan keselamatan negara.

Tindakan beliau itu telah menerima penghargaan daripada AS, yang kebiasaannya cuma mengelak berbuat demikian. Beliau tidak pernah keberatan menggunakan kuasa kerajaan untuk menekan pihak musuh.

Memang benar Mahathir dikenali di Barat, malangnya jika beliau dikenali sekali pun, kerana ucapannya pada mesyuarat Pertubuhan Persidangan Islam di Kuala Lumpur apabila beliau menyuarakan pandangan bahawa Yahudi menguasai dunia. Pandangan itu dan yang sama beliau lontarkan dari semasa ke semasa telah mendorong banyak pihak menyifatkan beliau sebagai anti-Yahudi.

Sama ada beliau adalah seorang yang benar-benar anti-Yahudi (ketepikan anti-British, anti-Australia dan mungkin anti-AS) adalah satu persoalan.

Perkara yang penting ialah keteguhan

beliau menyokong Palestin sejak bertahun-tahun lalu menjadikan beliau berguna bagi kebanyakan rakyat Iraq, jika pun tidak dengan neo-konservatif di Washington.

Memberi peranan kepada Mahathir akan membuka jalan bagi penyertaan besar negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dalam kehidupan selepas perang di Iraq. Adalah tidak kena caranya jika OIC secara mutlak tidak dilibatkan dalam sebarang peranan pembentukan semula Iraq.

Mengutuk

Pemimpin-pemimpin AS bercelesoh mengenai usaha untuk mengantarabangsa situasi ini, mereka bercakap mengenai penglibatan Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) atau mengemis Perancis atau Jerman supaya menghantar tentera mereka, tetapi tidak menghiraukan OIC, pertubuhan negara-negara Islam paling besar di dunia yang berdiri mengutuk dan mengkritiknya. Jika diterima ia juga akan menjadi punca untuk mendorong negara-negara Islam menghantar pasukan penganan ke Iraq.

Jika matlamat sebenar AS, seperti yang dipercayai oleh banyak pihak, adalah untuk mewujudkan di tengah-tengah Asia Barat sebuah negara Israel yang diiktiraf – kehadiran pangkalan-tentera-AS – mengalu-alukan dan melenturkan pengeluaran minyak negara pelanggan, atau jika matlamatnya untuk menjadikan Iraq model bagi pasaran bebas konservatif dan gaya kaku Rusia, di mana polisi-polisi ekonomi didominasi oleh pelabur asing, maka amat jelas Mahathir akan hanya membuang masanya.

Mahathir amat yakin dengan apa yang sering disarankan mengenai model pembangunan ekonomi terpinpin Asia dan pelaksanaannya di negara lain, seperti Iraq. Apakah model yang lebih baik bagi membangunkan industri minyak Iraq untuk rakyat negara itu selain daripada syarikat milik Malaysia, Petronas, yang sering disifatkan sebagai syarikat minyak yang mempunyai pengurusan terbaik di Asia, jika pun tidak di dunia?

Polisi-polisi beliau telah dikritik kerana menggalakkan amalan kronisme dan ketidakcekapan serta kurang persaingan, tetapi ini perlu ditentukan dalam konteks sebuah negara yang mempunyai latar belakang ekonomi yang mendatar. Dalam apa juga kes, rasuah dan kronisme telah menjadi satu kesan sampingan yang tidak dapat dielakkan sepanjang pemerintahan Mahathir. Mungkin, perkhidmatan warga Malaysia yang berusia 78 tahun itu di Iraq secara relatifnya singkat.

Mahathir menawarkan peluang bagi peralihan secara berkesan daripada penaklukan AS kepada kedaulatan Iraq yang tulen, yang kedudukannya ditentukan secara tidak memihak kepada sesiapa tetapi dihormati secara meluas. Beliau pengurus Islam berpengalaman luas yang tidak akan menjadi boneka kepada sesiapa pun, yang pasti tidak boneka asing.

Ironinya, Iraq sebenarnya menjadi lebih berdaulat jika di bawah kepimpinan sementara pemimpin Islam asing daripada mana-mana pemimpin tempatan yang sesiapa sahaja boleh bayangkan namanya selepas peralihan kuasa 30 Jun depan.

● PETIKAN tulisan Todd Crowell di dalam ruangan *Speaking Freely, Asia Times Online* pada 3 Jun 2004.